



KENYATAAN MEDIA

MENTERI KPWK M POSITIF COVID-19

YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah disahkan positif COVID-19 setelah mendapat keputusan ujian saringan malam tadi.

Beliau menjalani ujian saringan COVID-19 di Klinik Kesihatan Putrajaya pada pagi semalam.

YB Datuk Seri Rina telah dimasukkan ke wad Hospital Sungai Buloh pada jam 11.00 pagi hari ini untuk pihak hospital menjalankan pemantauan lanjut dan akan mematuhi segala garis panduan berkaitan jangkitan COVID-19 yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Beliau memohon maaf jika perkara ini telah menimbulkan apa jua kesulitan dan keresahan kepada semua dan memohon agar Allah s.w.t mempermudah segala urusan untuk semua yang terlibat.

Beliau juga akan pastikan, semasa ketiadaan beliau, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan meneruskan kerja-kerja kebajikan, pembelaan, pemerkasaan dan pembangunan untuk kumpulan sasaran dan segala urusan pengoperasian Kementerian akan tetap berjalan seperti biasa.

PEJABAT MENTERI

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

11 Januari 2021